

27 MAY 2003

Ling-Jawatan (Bergambar)/I

DR LING AKAN JUMPA DR M ESOK BINCANG PELETAKAN JAWATAN

KUALA LUMPUR, 27 Mei (Bernama) -- Menteri Pengangkutan Datuk Seri Dr Ling Liong Sik berkata beliau kini sekali lagi bersedia membincangkan peletakan jawatannya daripada Kabinet setelah peralihan kepimpinan dalam MCA selesai.

Dr Ling berkata beliau akan membincangkan perkara itu dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selepas mesyuarat Kabinet esok.

"Saya sudah mengemukakan surat peletakan jawatan tanpa tarikh yang setakat ini Perdana Menteri telah mengambil tindakan, namun saya akan membincangkannya sekali lagi dengan Perdana Menteri kerana saya rasa peralihan kepimpinan sudah berjalan lancar mengikut perlembagaan. Saya rasa kami perlu berbincang mengenai peringkat seterusnya..." katanya kepada pemberita selepas merasmikan Persidangan dan Pameran Antarabangsa Railtech 2003 di sini hari ini.

Bekas Presiden MCA itu ditanya sama ada beliau akan meneruskan hasratnya untuk melepaskan jawatan Kabinet selepas isu kepimpinan MCA selesai.

Ditanya sama ada "peringkat seterusnya" bermaksud beliau akan melepaskan jawatan Kabinet, Dr Ling berkata "Ya".

Sepanjang tiga tahun lepas, Dr Ling berusaha meletakkan jawatan Menteri Pengangkutan sebanyak dua kali.

Beliau menyerahkan surat peletakan jawatan pada Mei 2000 tetapi selepas dipujuk oleh pelbagai pihak, Dr Ling mengumumkan kesediaannya untuk meneruskan perkhidmatan.

Januari lepas, beliau sekali lagi dilaporkan sebagai berkata telah mengemukakan surat peletakan jawatan kepada Perdana Menteri pada Ogos 2002. Dr Mahathir bagaimanapun belum membuat keputusan mengenainya.

Ditanya sama ada beliau akan mencadangkan nama-nama untuk menggantikannya, Dr Ling berkata cadangan boleh dibuat tetapi terpulang kepada prerogatif Dr Mahathir untuk memutuskan.

Mengenai rancangannya untuk bercuti, Dr Ling berkata beliau akan berbuat demikian tidak lama lagi.

Beliau bagaimanapun enggan menyatakan masanya.

Khamis lepas, Jawatankuasa Pusat MCA menerima peletakan jawatan Dr Ling dan Datuk Lim Ah Lek, masing-masing sebagai presiden dan timbalan presiden dalam usaha parti berkenaan menyelesaikan krisis kepimpinan.

-- BERNAMA

NM HS LAT